

23/10/2002

Merah Kuning selesa berarak ke Darulaman

Halmi Samad

SELANGOR berpesta dengan bekalan kelebihan dua gol apabila bertandang ke Stadium Darulaman Sabtu ini sesudah membenam Kedah 3-1 pada perlawanan separuh akhir pertama Piala Malaysia di Stadium Shah Alam malam tadi.

Tiga gandingan berbisa, Azman Adnan, Mass Sarr Jr dan Amri Yahyah menyemaikan rasa bangga di dada barisan Merah Kuning apabila meletakkan barisan kendalian Ken Worden yang memburu tiket ke final sejak 1997 mendahului 2-0 pada babak pertama.

Kedah merapatkan jurang defisit pada minit ke-51 sesudah Matar Diop - tonggak import dari Senegal tenang menyempurnakan penalti selepas B Rajnikandh yang tampil menggantikan Ivica Kulesevic tampak terburu-buru menjatuhkan penyerang berkenaan.

Tetapi, kemenangan skuad bergelar Gergasi Merah disambut dengan air mata kerana tiga pemain tonggak - Sarr Jr, Lim Chan Yew dan S Sivaram kempunan aksi di Alor Star angkara layangkan kad kuning kedua.

Didengarkan lagu 'Selangor Menang Lagi' dan 'Selangor, Selangor' Selangor' yang biasa meniti bibir peminat fanatik Merah Kuning pada era pertengahan tahun 1990-an, anak buah Worden mendominasi saingan awal dengan Azman-Sarr Jr kerap mengintai peluang menguji Mazelan Wahid.

Amri yang mewarisi jersi nombor 17 milik penyerang tersohor, Zainal Abidin Hassan paling awal menerbitkan rasa gentar buat Hijau Kuning tetapi rembatan leretnya pada minit ke-12 daripada jarak 25 meter sekadar tersasar beberapa inci di penjuru kanan Mazelan.

Namun dalam tertekan, jentera tengah pasukan pelawat dikemudi Rizal Harun-Mansoor Azwira Wahid sambil Irwan Fadli Idrus yang bertindak sebagai flanker bijak melarutkan bisa Selangor dan mula berani mengacah Azmin Azram Aziz tetapi gertakan Rafdi Rashid-Diop mudah diteka.

Ujian buat bekas penjaga gol Sarawak itu kembali menjelma 12 minit kemudian tatkala dia sudah tertewas, rembatan kaki kanan Azman berpunca daripada jolokan cantik Sarr Jr - penyerang kebangsaan Liberia yang pernah bergandingan dengan Pemain Terbaik Tahunan Dunia, George Weah terkena tiang.

Babak saling menyerang berterusan tetapi detik indah babak pertama jadi milik Sarr Jr yang memalingkan badannya untuk memperdaya Emmanuel Kofi Ampiah dan kemudian meluru ke arah gawang dan terus meledak rembatan kaki kirinya melepasi jangkauan Mazelan untuk gol pertama Selangor.

Bermula daripada detik itu, peratusan acahan lebih didominasi skuad Gergasi Merah dan sumbangan Sarr Jr terus diperakui apabila pada minit ke-45 dia 'menghadiahkan' penalti buat Selangor apabila Kofi Ampiah terburu-buru menolaknya sekali gus membuatkan Subkhiddin menuding ke arah titik putih dalam kotak Hijau Kuning.

Azman - penjaring terbanyak Liga Perdana Satu musim 2002 yang dipujuk pulang dalam pakej pembelian bersama dengan Shukor Adan, tanpa rasa gementar mudah menjadikan kedudukan 2-0 sekalipun Mazelan terlebih dahulu menepis bola.

Malam masih muda apabila Azman dikurniakan detik terbaik untuk mengesahkan ketuanan Selangor sebaik saja permainan bersambung tetapi tatkala berdepan Mazelan dia memilik untuk merembat keluar.

Drama menarik saling serang menyerang berterusan selepas itu dan Rajnikandh mungkin agak terlalu ghairah dalam penampilan pertamanya sesudah tiga bulan berehat bagi mengisi ruang peninggalan Kulesevic sehingga terburu-buru menolak Diop yang langsung tidak berada dalam posisi

berbahaya pada minit ke-51.

Sekali lagi stadium gegak gempita apabila pengadil memberikan penalti dan penyokong Hijau Kuning paling resah tetapi Diop langsung tidak bermasalah untuk meletak bola ke dalam gawang Selangor yang dikawal penjaga gol kebangsaan Malaysia.

Dalam keadaan tertekan, Amri melegakan Merah Kuning dengan gol ketiga pada minit terakhir perlawanan.

SELANGOR: 21-Azmin Azram Aziz, 6-Nidzam Jamil, 7-B Rajnikandh, 11-Lim Chan Yew (3-Shamsul Amri Abu Bakar), 13-S Sivaram, 12-Shukor Adan (15-Tengku Hazman Raja Hassan), 10-Yusri Che Lah, 16-Mohd Aiman Wong Abdullah, 17-Amri Yahyah, 19-Azman Adnan (14-Mohd Fareed Shah Hassan), 20-Mass Sarr Jr.

KEDAH: 1-Mazelan Wahid, 2-A Victor, 4-Mansoor Azwira Wahid, 17-Fauzie Nan, 18-Shariman Omar, 6-Emmanuel Kofi Ampiah, 11-Irwan Fadli Idrus, 8-Rizal Harun, 9-Zainuddin Ariffin (19-Amirulnizam Mahathir), 13-Matar Diop, 20-Rafdi Rashid (14-Akmal Rizal Rakhli).

Pengadil: Subkhiddin Salleh (Pulau Pinang)

PIALA MALAYSIA

KEPUTUSAN

SELANGOR	3	KEDAH	1
Mass Sarr Jr, m-30		Matar Diop, (p) m-51	
Azman Adnan, (p) m-45			
Mohd Amri Yahyah, m-90			
SABAH	2	PERAK	2
K Sanbagamaran, m-17		Josco Farac, m-42	
Josiah Seton, m-39		Ahmad Shahrul, m-74	